

Tak setuju mari debat, cabar Kassim
MalaysiaKini.com
Feb 17, 2014

Pemikir kontroversi Dr Kassim Ahmad mempertahankan kenyataan beliau dan mencabar pihak yang menuduhnya sesat dan murtad supaya berdebat.

Beliau menyatakan kesediaan untuk berdebat secara terbuka di depan khalayak awam "di mana-mana dan bila-bila masa".

"Nanti kita tengok dalam perdebatan itu siapa yang celaru dan siapa yang tidak," kata beliau ketika dihubungi Malaysiakini petang ini.

Semalam, dalam ucapan ketika Seminar Pemikiran Kassim Ahmad: Suatu Penilaian", ahli akademik itu mendakwa Islam sebenar di negara ini telah diseleweng kerana mengikut satu sistem "kasta paderi" yang dipanggil ulama.

Selain itu, umat Islam juga didakwa mendewa-dewakan Nabi Muhammad dengan syahadah kedua serta rambut bukan aurat wanita.

Ekoran kenyataan terbaru Kassim tersebut, beliau hari ini 'diserang' oleh Ketua Penerangan PAS Datuk Mahfuz Omar dan NGO Pertubuhan Ahli Sunnah Waljamaah Malaysia (ASWAJA).

Dalam sidang medianya, Mahfuz mempersoalkan mengapa ahli akademik itu tidak pernah diambil tindakan oleh mana-mana penguatkuasa agama dan pemikir itu didakwa menghina Islam dan Majlis Raja-raja.

Manakala dalam kenyataannya, Presiden ASWAJA Zamihan Mat Zin berkata kenyataan Kassim berhubung pendewaan terhadap Nabi, ingin mentafsirkan semula al-Quran dan mengkritik "kasta paderi" dalam Islam boleh mendorong kepada kemurtadan.

Copyright © 1999-2014 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/254608>